

**INVESTIGATING AND DEVELOPING THE BEST METHOD IN
SHORTEST PATH FOR IMPLEMENTING A GEOGRAPHICAL
INFORMATION SYSTEM (E-MAP) FOR PENINSULAR
MALAYSIA**

IRPA 2003 / 2005

KETUA PENYELIDIK:

PROF. MADYA DR. AB RAHMAN AHMAD (SEP 2003 – AUG 2005)

PENYELIDIK:

PROF. MADYA DR. AB RAHMAN AHMAD

DR. NASARUDIN ZENON

HASWADI HASAN

**Faculty of Computer Science and Information System
Universiti Teknologi Malaysia
Skudai, Johor.**

TEMPOH PENYELIDIKAN: SEP 2003 – AUG 2004

VOT RMC 74205

**PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

R & D DIRECTORY UTM

VOT: 74205

PROJECT TITLE: INVESTIGATING AND DEVELOPING THE
BEST METHOD IN SHORTEST PATH FOR
IMPLEMENTING A GEOGRAPHICAL
INFORMATION SYSTEM (E-MAP) FOR
PENINSULAR MALAYSIA

HEAD OF RESEARCHERS: PROF. MADYA DR. AB RAHMAN AHMAD
(SEP 2003 – AUG 2005)

RESEARCHERS: DR. NASARUDIN ZENON
HASWADI HASAN

FACULTY: FACULTY OF COMPUTER SCIENCE AND
INFORMATION SYSTEM UNIVERSITI
TEKNOLOGI MALAYSIA SKUDAI, JOHOR.

KEYWORDS: TRAVEL, E-MAP, SHORTEST PATH,
GEOGRAPHICAL INFORMATION
SYSTEM, GRAPH THEORY

DATE OF COMPLETION: AUG 2005

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah dan Penyayang, lagi Maha Mengasihani. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. Alhamdulillah, segala puji-pujian dan kesyukuran dipanjatkan kepada Allah S.W.T tuhan sekalian alam kerana rahmat, keizinan dan ilham yang diberikanNya, projek ini berjaya disiapkan.

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI), Malaysia kerana dana projek IRPA yang diberikan sepanjang tempoh penyelidikan projek ini.

Selain itu, penulis juga ingin menghulurkan ribuan terima kasih kepada Pusat Penyelidikan dan Pengurusan (RMC), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang menyalurkan dana daripada MOSTI dengan berkesan sehingga projek ini berjaya dilaksanakan.

Dengan pandangan, pertolongan dan kesabaran ahli kumpulan penyelidikan ini, saya juga bersyukur dapat menyempurnakan projek ini. Segala budi dan pengorbanan mereka yang tidak ternilai akan sentiasa dalam ingatan.

Penghargaan turut ditujukan kepada semua panel penilai yang sedia meneliti dan memberi komen dalam memperbaiki mutu projek ini. Juga penghargaan terima kasih kepada Jabatan Pemetaan Malaysia dan Jabatan Kerja Raya yang menyediakan data.

Dengan bantuan yang diberi oleh pembantu penyelidik Fakulti Sains Komputer dan Sistem Maklumat sehingga projek ini berjaya, jasa anda juga turut dihargai.

ABSTRACT

The shortest path is a part of the subject in the graph theory in the field of operational research. The idea of the shortest path is to find the best possible routes that linking between a given source and a destination. There are many algorithms have been designed to find these paths. The algorithms such as *Dijkstra*, *Bellman-Ford* or *Floyd-Warshall* are difference from one to another due to the simplicity, effectiveness and duration of processing the nodes. This research will be focused on determining the best shortest path algorithm for the first possible best (fastest, safest and cheapest) route and also to search the other possible best routes. Assessment will be done by calculating the algorithm complexion and runtime using the computer. The fastest route can be attained via traveling on the highway. The safest route is might considered as a route with an accident free (data from police department). The cheapest route is a toll-free route, i.e., federal or state routes. The numbering assigned to every route in Peninsular Malaysia will be used to calculate and distinguish these routes and the alternatives. A development of GIS database is also involved in prototype covering the road network in Peninsular Malaysia (the *e-map*) will be developed to show the viability or validity of the findings. The system will be developed by using *Microsoft Visual Basic* and some supporting software. It is hoped the system will serve at test platform for the deeper research in the future.

ABSTRAK

Laluan terpendek ada sebahagian daripada mata pelajaran teori graf dalam bidang penyelidikan operasi. Ide laluan terpendek ialah untuk mendapatkan laluan sebaik mungkin yang menghubungkan sumber yang diberi dengan destinasi. Terdapat banyak algoritma yang direka bentuk untuk mencari laluan ini. Algoritma seperti *Dijkstra*, *Bellman-Ford* atau *Floyd-Warshall* adalah berbeza antara satu dengan lain kerana ringkas, berkesan dan masa memproses nod. Kajian ini akan menumpukan pada penentuan algoritma laluan terpendek paling baik untuk laluan pertama paling baik (terpantas, paling selamat, termurah) dan juga mendapatkan laluan lain yang terbaik. Penilaian akan dilakukan dengan mengira kerumitan algoritma dan masa larian dengan menggunakan komputer. Laluan terpantas boleh didapati dengan memandu di Lebuhraya. Jalan paling selamat boleh diandaikan sebagai laluan tanpa kemalangan (data dari jabatan polis). Laluan termurah adalah laluan tanpa tol iaitu jalan Persekutuan atau jalan negeri. Nombor yang diumpukkan untuk setiap laluan di Semenanjung Malaysia akan digunakan untuk menghitung dan membezakan laluan ini dan yang lain-lain. Pembangunan pangkalan data *GIS* juga terlibat dalam prototaip yang merangkumi rangkaian jalan di Semenanjung Malaysia (*eMap-Malaysia Road Map*) akan dibangunkan untuk menunjukkan kesediaan dan pengesahan hasil. Sistem akan dibangunkan dengan menggunakan *Microsoft Visual Basic* dan beberapa perisian sokongan. Adalah diharapkan sistem ini akan menjadi landasan ujian untuk penyelidikan lebih mendalam pada masa akan datang.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	HALAMAN
	JUDUL	i
	R & D DIRECTORY	ii
	PENGHARGAAN	iii
	ABSTRACT	iv
	ABSTRAK	v
	KANDUNGAN	vi
	SENARAI JADUAL	ix
	SENARAI RAJAH	xii
	SENARAI ISTILAH	xiv
BAB I	Pengenalan	
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Pernyataan Masalah	2
	1.3 Matlamat Projek	3
	1.4 Objektif Projek	3
	1.5 Skop Projek	3
	1.6 Kepentingan Kajian	4
	1.7 Kesimpulan	4
BAB II	Kajian Literatur	
	2.1 Pengenalan	5
	2.2 Rangkaian Jalan Raya Semenanjung Malaysia	5
	2.3 Laluan Terpendek	8
	2.4 Rangkaian	8
	2.4.1 Nod dan Arka	10

2.5	Pengiraan Kompleksiti	11
2.6	Masa Larian	12
2.7	Kaedah yang dipilih	13
2.8	Algoritma <i>Dijkstra</i>	14
2.8.1	Langkah-langkah penyelesaian	15
2.8.2	Contoh Pengiraan	16
2.8.3	Kompleksiti Algoritma	28
2.8.4	Perbincangan	28
2.9	Algoritma <i>Bellman-Ford</i>	29
2.9.1	Langkah-langkah penyelesaian	29
2.9.2	Contoh Pengiraan	30
2.9.3	Kompleksiti Algoritma	37
2.9.4	Perbincangan	37
2.10	Algoritma <i>Floyd-Warshall</i>	38
2.10.1	Algoritma	38
2.10.2	Langkah-langkah penyelesaian	39
2.10.3	Contoh Pengiraan	40
2.10.4	Kompleksiti Algoritma	50
2.11	Perbincangan Umum	50
2.12	Kesimpulan	53

BAB III METODOLOGI

3.1	Pengenalan	55
3.2	Rangka Kerja Kajian	55
3.3	Fasa 1 : Perancangan	56
3.4	Fasa 2 : Analisa masalah	57
3.5	Fasa 3 : Implementasi	57
3.6	Fasa 4 : Pembangunan <i>eMap – Malaysia Road Map</i>	57
3.5	Kesimpulan	58

BAB IV	DATA DAN PERBINCANGAN	
4.1	Pengenalan	59
4.2	Kompleksiti Berkomputer	59
4.3	Masa larian	61
4.4	Perbincangan pilihan kaedah	62
4.5	Rangkaian Jalan Raya di Malaysia	62
4.6	CD-ROM <i>eMap - Malaysia Road Map</i>	75
4.7	Kesimpulan	81
BAB V	KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	82
5.2	Perbincangan hasil	82
5.3	Cadangan akan datang	83
5.4	Kesimpulan	83
	BIBLIOGRAFI	84
	LAMPIRAN A	87
	LAMPIRAN B	96

SENARAI JADUAL

JADUAL	TAJUK	HALAMAN
2.1	Tandaan nod jalan Negeri bagi setiap negeri	7
2.2	Rumusan data laluan semenanjung Malaysia	7
2.3	Rumusan data laluan negeri-negeri di Malaysia	7
2.4	Kaitan antara fungsi polinomial dengan kelajuan komputer	12
2.5	Penyelesaian Langkah 1	16
2.6	Penyelesaian Langkah 2	17
2.7	Penyelesaian Langkah 3	18
2.8	Penyelesaian Langkah 4	18
2.9	Penyelesaian Langkah 5	19
2.10	Penyelesaian Langkah 6	19
2.11	Penyelesaian Langkah 7	20
2.12	Penyelesaian Langkah 8	21
2.13	Penyelesaian Langkah 9	21
2.14	Penyelesaian Langkah 10	22
2.15	Penyelesaian Langkah 11	22
2.16	Penyelesaian Langkah 12	23
2.17	Penyelesaian Langkah 13	23
2.18	Penyelesaian Langkah 14	24
2.19	Penyelesaian Langkah 15	25
2.20	Penyelesaian Langkah 16	25
2.21	Penyelesaian Langkah 17	26
2.22	Penyelesaian Langkah 18	26
2.23	Penyelesaian Langkah 19	27
2.24	Jadual C_{ij} bagi Lelaran 1	40

2.25	Jadual D_{ij} bagi Lelaran 1	41
2.26	Jadual C_{ij} bagi Lelaran 2	41
2.27	Jadual D_{ij} bagi Lelaran 2	42
2.28	Jadual C_{ij} bagi Lelaran 3	42
2.29	Jadual D_{ij} bagi Lelaran 3	43
2.30	Jadual C_{ij} bagi Lelaran 4	43
2.31	Jadual D_{ij} bagi Lelaran 4	44
2.32	Jadual C_{ij} bagi Lelaran 5	44
2.33	Jadual D_{ij} bagi Lelaran 5	45
2.34	Jadual C_{ij} bagi Lelaran 6	45
2.35	Jadual D_{ij} bagi Lelaran 6	46
2.36	Jadual C_{ij} bagi Lelaran 7	46
2.37	Jadual D_{ij} bagi Lelaran 7	47
2.38	Jadual C_{ij} bagi Lelaran 8	47
2.39	Jadual D_{ij} bagi Lelaran 8	48
2.40	Jadual C_{ij} bagi Lelaran 9	48
2.41	Jadual D_{ij} bagi Lelaran 9	49
2.42	Jadual C_{ij} bagi Lelaran 10	49
2.43	Jadual D_{ij} bagi Lelaran 10	50
2.44	Perbandingan masa larian dan kompleksiti bagi algoritma <i>Floyd-Warshall</i> dan <i>Johnson</i>	51
2.45	Keputusan perbandingan masa proses bagi algoritma <i>Floyd-Warshall</i> menggunakan set nod yang berbeza	52
2.46	Keputusan kadar kerumitan algoritma	53
4.1	Jumlah Operasi	60
4.2	Masa Larian untuk ketiga-tiga kaedah	61

4.3	<i>ID</i> pekan atau bandar di negeri Johor	73
4.3	<i>ID</i> pekan atau bandar di negeri Johor (sambungan)	74
4.4	<i>ID</i> pekan atau bandar di negeri Melaka	74
4.5	Contoh pautan SUMBER, DESTINASI dan JARAK	75

SENARAI RAJAH

RAJAH	BUTIRAN	HALAMAN
2.1	Contoh graf berarah	9
2.2	Contoh graf dengan empat nod	10
2.3	Contoh tandaan nod	10
2.4	Contoh graf dengan arka dan nod	10
2.5	Jenis-jenis arka a: Berpemberat Positif. b: Berpemberat Negatif	11
2.6	Model rangkaian	16
2.7	Model penyelesaian bagi Langkah 1	30
2.8	Model penyelesaian bagi Langkah 2	31
2.9	Model penyelesaian bagi Langkah 3	32
2.10	Model penyelesaian bagi Langkah 4	32
2.11	Model penyelesaian bagi Langkah 5	33
2.12	Model penyelesaian bagi Langkah 6	34
2.13	Model penyelesaian bagi Langkah 7	34
2.14	Model penyelesaian bagi Langkah 8	35
2.15	Model penyelesaian bagi Langkah 9	36
2.16	Model penyelesaian bagi Langkah 10	36
2.17	Model penyelesaian bagi pengiraan <i>Bellman-Ford</i>	37
3.1	Rangka kerja kajian	55
4.1	Peta Jalan Raya Negeri Johor	63
4.2	Peta Jalan Raya Negeri Melaka	63
4.3	Peta Jalan Raya Negeri Sembilan	64
4.4	Peta Jalan Raya Negeri Pahang	65
4.5	Peta Jalan Raya Negeri Terengganu	66
4.6	Peta Jalan Raya Negeri Kelantan	67

4.7	Peta Jalan Raya Negeri Selangor	68
4.8	Peta Jalan Raya Negeri Perak	69
4.9	Peta Jalan Raya Negeri Kedah	70
4.10	Peta Jalan Raya Negeri Pulau Pinang	71
4.11	Peta Jalan Raya Negeri Perlis	72
4.12	CD-ROM <i>eMap - Malaysia Road Map</i>	76
4.13	Kulit CD-ROM <i>eMap - Malaysia Road Map</i>	76
4.14	skrin permulaan	77
4.15	skrin utama	77
4.16	skrin pilih laluan	78
4.17	skrin pilihan perjalanan	78
4.18	Laluan Kangkar Pulai – Kluang	79
4.19	Laluan Kangkar Pulai – Kuala Terengganu	79
4.20	Laluan Seremban – Johor Bahru (permulaan)	80
4.21	Laluan Seremban – Johor Bahru (penghujung)	80

SENARAI ISTILAH

Pendaraban Matrik	<i>Matrix Multiplication</i>
Pencontoh	<i>Template</i>
Dwibahagian	<i>Bipartition</i>
Arka	<i>Arc</i>
Nod	<i>Node</i>
Berarah	<i>Directed</i>
Pemberat	<i>Weight</i>
Bucu	<i>Vertex</i>
Pinggir	<i>Edge</i>
Orientasi Objek	<i>Object Oriented</i>
Pangkalan Data	<i>Database</i>
Pemberat	<i>Cost</i>
Bukan Negatif	<i>Non-Negative</i>
Punca Tunggal	<i>Single Source</i>
Setiap Pasangan	<i>All Pairs</i>

LAPORAN PENYELIDIKAN

**INVESTIGATING AND DEVELOPING THE BEST METHOD IN
SHORTEST PATH FOR IMPLEMENTING A GEOGRAPHICAL
INFORMATION SYSTEM (E-MAP) FOR PENINSULAR MALAYSIA**

VOT RMC 74205

PENYELIDIK:

PROF. MADYA DR. AB RAHMAN AHMAD

DR. NASARUDIN ZENON

HASWADI HASAN

PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

SESI 2003 / 2005

BAB I

Pengenalan

1.1 Pendahuluan

Laluan terpendek selalunya digunakan dalam keadaan seharian seperti perjalanan di antara dua lokasi, samada berjalan dari satu bilik ke satu bilik yang lain, dari satu jalan ke jalan yang lain, atau dari satu bandar ke bandar yang lain.

Dengan penyelesaian laluan terpendek juga, laluan yang dapat menjimatkan masa dan kos dapat dicari. Data jalan raya semenanjung Malaysia digunakan dalam kajian ini. Data digunakan bagi menunjukkan perbandingan perjalanan yang melibatkan jarak, kos dan masa dari sumber ke destinasi.

Struktur jalan raya di semenanjung Malaysia yang telah meningkat menyebabkan rangkaian jalan rayanya bertambah. Ini merupakan satu pertambahan yang baik bagi pengguna jalan raya. Dengan ini, terdapat pelbagai alternatif jalan raya di setiap laluan. Keadaan ini menyumbang kepada masalah mencari laluan terpendek terbaik antara dua lokasi.

1.2 Pernyataan Masalah

Walaupun pengiraan laluan terpendek adalah matlamat utama dalam banyak sistem pengangkutan dan analisa rangkaian, tetapi untuk mendapatkan satu algoritma laluan terpendek bagi rangkaian jalan raya yang sebenar adalah sukar. Ini kerana kebanyakan kajian yang dibuat menggunakan data yang dijana secara rawak. Di samping itu, jarang kedapatan algoritma yang dikaji oleh penyelidik dapat menyediakan algoritma yang terbaik dan dapat mengatasi permasalahan yang timbul semasa pengiraan laluan terpendek dilakukan pada jaringan sebenar. (Zhan & Noon, 1998).

Algoritma yang biasa digunakan untuk mendapatkan laluan terpendek adalah *Dijkstra* dan digunakan secara meluas pada sistem *GIS* dan perisian yang dibangunkan menerusi model jaringan (Brian, 2000). Manakala penggunaan algoritma *Dijkstra* pula memang diketahui umum kepantasan penjanaan masanya. Akan tetapi, algoritma ini hanya mencari laluan bagi nod yang bersumber tunggal. Larian terpaksa dilakukan berulang-ulang kali bagi mendapatkan laluan terpendek bagi nod yang dikehendaki. Pencarian kaedah yang terbaik diperlukan bagi memperbaiki masalah ini.

Algoritma *Floyd Warshall* merupakan algoritma yang terbaik bagi mencari laluan terpendek, tetapi mengambil masa pengiraan yang lama (Brian, 2000). Ini berlaku kerana algoritma *Floyd Warshall* menganggap setiap nod adalah nod punca. Manakala nod punca ini juga boleh dijadikan sebagai nod destinasi.

Algoritma *Belman Ford* pula hanya memperbaiki sedikit kelemahan yang ada pada algoritma *Dijkstra* untuk kes-kes tertentu tetapi tidak dapat memperoleh keputusan yang lebih baik dari algoritma *Dijkstra* (Brian, 2000).

Zhan dan Noon (1998), telah membuat kajian berkenaan dengan kaedah laluan terpendek yang paling sesuai dengan struktur rangkaian jalan raya di Amerika Syarikat. Beliau mendapati *Dijkstra* yang telah diubahsuai merupakan kaedah yang paling sesuai dengan rangkaian ini.

1.3 Matlamat Projek

Dengan adanya analisa perbandingan ini, diharap dapat membantu mengenalpasti dan membuktikan kaedah yang terbaik dalam mencari laluan terpendek berdasarkan kajian kes jalanraya di semenanjung Malaysia. Pembuktian dilakukan dengan mencari pengiraan kompleksiti dan masa larian bagi algoritma-algoritma yang dipilih. Seterusnya suatu sistem akan dibangunkan yang diberi nama *e-map*.

1.4 Objektif Projek

Objektif utama projek ini adalah seperti berikut:

Membuat perbandingan algoritma yang sedia ada bagi mendapatkan algoritma laluan terpendek yang terbaik. Ini dilakukan dengan pembuktian dari segi :-

- i. Pengiraan kompleksiti.
- ii. Masa larian.

Seterusnya membangunkan satu sistem berkomputer disebut *e-map* khusus untuk jalan raya di Malaysia.

1.5 Skop Projek

Bagi menghasilkan output yang sesuai, kajian akan mempertimbangkan beberapa kriteria :-

1. Kaedah yang digunakan adalah kaedah-kaedah laluan terpendek tradisional iaitu *Dijkstra*, *Bellman-Ford* dan *Floyd Warshall*.
2. Data yang digunakan merupakan data sebenar dalam laluan jalan raya semenanjung Malaysia. Set data yang diuji tidak mengambil kira laluan negatif dalam struktur rangkaian. Rangkaian mempunyai laluan berarah dari nod ke semua nod dalam rangkaian tersebut. Rangkaian mempunyai laluan berarah dua hala. Tidak

mengambil kira halangan dalam rangkaian seperti faktor lampu isyarat, kesesakan dan jalan rosak. Parameter yang ingin dikaji adalah dari segi masa larian dan pengiraan kompleksiti.

1.6 Kepentingan Kajian

Di negara maju seperti Jepun, Amerika Syarikat dan England mereka sudah mempunyai satu sistem pemetaan jalan raya berkomputer untuk memudahkan pengguna jalan raya. Di Amerika Syarikat misalnya, mereka mempunyai sistem yang disebut *MapPoint* yang membantu pengguna bergerak dari satu tempat ke tempat lain dengan mudah, cepat dan selamat. Sistem *e-map* yang akan dibangunkan ini akan memberi keselesaan bagi rakyat yang menggunakan jalan raya. Tiga aspek yang dititikberatkan ialah jarak, kos dan masa bagi sesuatu perjalanan.

1.7 Kesimpulan

Bab ini memberi pandangan keseluruhan berkenaan dengan perbincangan bagi bab-bab seterusnya. Dalam bab ini perbincangan mengenai penyataan masalah serta objektif kajian diberikan. Skop bagi kajian ini juga dihuraikan. Akhir sekali disertakan kepentingan kajian.

BAB II

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Bab ini memberikan pengenalan berkenaan dengan jalan raya di semenanjung Malaysia, laluan terpendek dan rangkaian. Manakala penerangan yang lebih jelas dihuraikan dalam kaedah yang dipilih. Ini termasuklah menyenaraikan algoritma, langkah penyelesaian, contoh pengiraan serta perbincangan aplikasi yang telah dihasilkan menggunakan kaedah tersebut. Perbincangan dan perbandingan secara umum dihuraikan di akhir bab ini.

2.2 Rangkaian Jalan Raya Semenanjung Malaysia

Jalan raya di Malaysia dibahagikan kepada tiga kategori iaitu Lebuhraya, Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri. Lebuhraya ada yang dibina oleh kerajaan atau diswastakan. Pengguna yang menggunakan laluan ini akan dikenakan bayaran tol. Jalan Persekutuan merupakan jalan yang diisytiharkan dalam ordinan Jalan Persekutuan

(1959). Jalan Negeri merupakan jalan utama yang menghubungkan antara pusat pentadbiran daerah dalam setiap negeri.

Sistem penandaan bagi lebuhraya adalah gabungan huruf E dan nombor. Contohnya E1, E2 dan E5. Bagi jalan Persekutuan, sistem penomboran tunggal digunakan seperti 1, 3, 50 dan 76. Manakala bagi jalan Negeri pula, penandaannya adalah gabungan antara huruf pengenalan negeri dengan nombor. Contohnya J1 bagi negeri Johor, A9 bagi negeri Perak dan D13 bagi negeri Kelantan. Penandaan bagi kesemua jalan ini bermula dari bahagian selatan semenanjung Malaysia.

Semenanjung Malaysia mempunyai 13 buah negeri yang dibahagikan kepada empat zon iaitu selatan, utara, timur dan barat. Johor, Negeri Sembilan dan Melaka adalah negeri di bahagian selatan. Pahang, Terengganu dan Kelantan negeri di bahagian timur. Negeri di bahagian barat pula adalah Selangor, Perak, Kuala Lumpur dan Putrajaya. Manakala negeri di bahagian utara adalah Pulau Pinang, Kedah dan Perlis.

Peta jalan raya di semenanjung Malaysia dibahagikan mengikut negeri. Perjalanan bermula dari selatan iaitu Johor dan seterusnya ke Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Kuala Lumpur, Selangor, Ipoh, Kedah, Pulau Pinang, Perlis, Terengganu dan Kelantan. Dalam peta, jalan raya diwarnakan mengikut jenis jalan iaitu warna hijau untuk lebuhraya, merah untuk jalan persekutuan, manakala warna biru adalah jalan negeri. Di samping itu, jalan Negeri ditandai dengan nod yang mewakili negeri seperti Jadual 2.1.

Jadual 2.2 dan Jadual 2.3 menunjukkan hubungan di antara bilangan arka dan nod serta nisbah arka per nod bagi setiap negeri. Nisbah arka per nod menunjukkan perbezaan nilai nisbah di antara rangkaian buatan dengan rangkaian sebenar jalan raya. Rangkaian jalan raya sebenar dalam kajian ini mempunyai nilai nisbah arka per nod dalam lingkungan 3.45 hingga 9.16. Nilai ini berbeza dengan rangkaian buatan di mana nisbah arka per nod adalah lebih tinggi dari 10.00.

Jadual 2.1: Tandaan nod jalan Negeri bagi setiap negeri

Negeri	Tandaan
Johor	J
Melaka	M
Pahang	C
Negeri Sembilan	N
Selangor	B
Perak	A
Kedah	K
Pulau Pinang	P
Perlis	R
Kelantan	D
Terengganu	T

Jadual 2.2 : Rumusan data laluan Semenanjung Malaysia

	Bil Nod	Bil Arka	Nisbah Arka/Nod
Semenanjung Malaysia	515	2718	5.28

Jadual 2.3 : Rumusan data laluan negeri-negeri di Malaysia

Negeri	Bil Nod	Bil Arka	Nisbah Arka/Nod
Johor	146	673	3.45
Melaka	50	298	5.96
Pahang	72	520	7.22
Negeri Sembilan	42	385	9.16
Selangor	86	419	4.87
Perak	39	98	2.51
Terengganu	80	300	3.75

2.3 Laluan Terpendek

Laluan terpendek boleh didefinisikan sebagai jarak yang paling dekat untuk dilalui antara satu nod dengan nod yang lain. Laluan terpendek selalu diaplikasikan dalam situasi seharian. Penggunaannya diperlukan ketika perjalanan di antara dua lokasi, sama ada dari satu bilik ke bilik yang lain, satu jalan ke jalan yang lain atau dari satu bandar ke bandar yang lain. Ia juga digunakan dengan meluas dalam sistem GIS (*Geographical Information System*).

Penggunaan laluan yang jauh merupakan satu pembaziran dari segi masa dan kos. Laluan terpendek dapat menyelesaikan masalah pembaziran. Ini kerana ia merupakan laluan yang memberi masa perjalanan yang terpantas tetapi juga dapat mengurangkan kos. Bagi kes kenderaan, kos mewakili beberapa faktor iaitu, jarak perjalanan, masa yang diperuntukkan, penggunaan bahan bakar dan pembayaran tol.

Laluan terpendek dibahagi kepada dua iaitu satu titik ke titik yang lain dan kesemua titik. *Dijkstra* adalah contoh algoritma laluan terpendek dari satu titik ke titik yang lain. Manakala *Floyd-Warshall* algoritma adalah contoh mencari laluan terpendek antara kesemua titik dengan konsep matrik.


2.4 Rangkaian

Secara amnya, rangkaian selalunya digambarkan menggunakan konsep graf. Graf adalah satu set titik dan hubungan di antara titik-titik ini, seperti Rajah 2.2. Graf terbahagi kepada dua iaitu berarah dan tidak berarah. Arka bagi graf yang tidak berarah, arah laluan boleh dianggap dalam kedua-dua arah. Manakala arka bagi graf yang berarah mempunyai arah laluan.

Ia juga boleh terbahagi kepada graf yang berpemberat dan tidak berpemberat. Bagi graf yang berpemberat, setiap nod mempunyai pemberat yang berkaitan. Nilai

pemberat boleh jadi positif atau negatif atau hanya pemberat yang negatif sahaja. Pemberat juga boleh dirujuk sebagai jarak, kos atau masa perjalanan.

Graf juga boleh dikelompokkan kedalam beberapa kumpulan graf seperti graf 'planar', graf 'acyclic', graf 'strongly connected' dan graf dwibahagian.



Rajah 2.1: Contoh graf berarah

Graf dalam Rajah 2.1 mengandungi enam nod (A,B,C,D,E,F) dan sembilan arka dengan arka yang mempunyai pemberat.

Set graf diwakili oleh,

$$G = \{V, E\}$$


dengan

V : Kumpulan nod


E : Kumpulan arka

2.4.1 Nod dan Arka


Nod mewakili bulatan yang terdapat pada graf. Rajah 2.2 menunjukkan graf dengan empat nod. Nod biasanya ditandai dengan huruf atau nombor untuk membezakannya antara satu sama lain. Rajah 2.3 menunjukkan contoh tandaan nod. Dalam pengiraan jarak, nod merujuk kepada punca atau denstinasi pada sesuatu graf. Rajah 2.4 menunjukkan contoh graf dengan arka dan nod.



Rajah 2.2 : Contoh graf dengan empat nod




Rajah 2.3 : Contoh tandaan nod



Rajah 2.4 : Contoh graf dengan arka dan nod

Arka mewakili laluan yang menyambungkan antara dua nod. Arka mempunyai anak panah untuk menunjukkan arah laluan seperti dalam Rajah 2.5. Tandaan pemberat bagi anak panah arka boleh bernilai positif atau negatif. Terdapat juga arka yang tidak mempunyai anak panah. Ini merujuk laluan boleh dilalui dengan dua arah yang berlainan.



Rajah 2.5 : Jenis-jenis arka a: Berpemberat positif. b: Berpemberat negatif

2.5 Pengiraan Kompleksiti

Kompleksiti adalah kajian mengenai anggaran larian penggunaan komputer yang diperlukan untuk melaksanakan pengiraan. Kadar kompleksiti bagi algoritma adalah kos, pengiraan masa larian atau masa menyimpan yang menggunakan algoritma untuk menyelesaikan salah satu masalah yang diberikan. Pengiraan kompleksiti dilakukan untuk mendapatkan anggaran larian sebelum algoritma dilarikan menggunakan komputer.

Kajian kerumitan pemprosesan mengukur keberkesanan dan masalah algoritma yang sedia ada secara praktikal atau teori. Dengan perubahan mendadak dalam teknologi komputer, maka pengukuran secara fizikal (masa larian, bilangan ingatan komputer) adalah tidak lagi berkaitan. Pengukuran yang lebih piawai adalah operasi komputer yang diperlukan untuk menyelesaikan masalah dalam kes yang berat.

Keputusan kompleksiti algoritma akan digambarkan dengan fungsi $g(n) = n^3$. Secara amnya ia disebut dengan penggunaan tatatanda *big-O* iaitu $O(n^3)$. Tatatanda

Big-O akan mengukur masa dan saiz sesuatu penjanaan algoritma (Zhan, et.al.,1998). Selalunya disebut algoritma ini mengambil masa $O(n^3)$. Simbol ini mengingatkan bahawa fungsi ini menggambarkan kelakuan secara kes berat pada saiz yang besar.

Algoritma dengan masa larian $O(\log n)$, $O(n)$, $O(n)$, $O(n^3)$ dan lain-lain lagi dikenali sebagai algoritma masa-polinomial. Manakala bagi algoritma dengan kompleksiti yang tidak boleh dibatas dengan fungsi polinomial dikenali sebagai algoritma masa-eksponen. Polinomial merupakan fungsi yang digunakan untuk keadaan praktik. Ini disokong dengan beberapa hujah yang berikut. Dengan fungsi polinomial, ia lebih mudah untuk memanipulasi perubahan teknologi bagi mendapatkan peningkatan keputusan dalam kelajuan komputer. Ini dijelaskan dalam Jadual 2.4 berikut.

Jadual 2.4 : Kaitan antara fungsi polinomial dengan kelajuan komputer

Fungsi kompleksiti masa	Saiz Masalah yang diselesaikan dalam masa 1 jam		
	Komputer terkini	Komputer dengan kelajuan 100 kali	Komputer dengan kelajuan 1000 kali
N	N1	100N1	1000 N1
N^2	N2	10N2	31.6 N2
N^3	N3	4.64 N3	10 N3
2^n	N4	$N4 + 6.64$	$N4 + 9.97$
3^n	N5	$N5 + 4.19$	$N5 + 6.29$

Kesimpulannya, sesuatu masalah dianggap telah selesai secara efisien apabila algoritma masa-polinomial telah dijumpai.

2.6 Masa Larian

Masa larian akan dibuat dengan beberapa jenis komputer untuk membandingkan hasilnya. Jenis komputer yang digunakan adalah komputer riba, komputer persendirian dan komputer makmal. Komputer yang digunakan untuk pengujian menggunakan

sistem operasi Pentium III dan IV. Dengan ini terdapat pelbagai hasil masa larian yang dapat memberi pembuktian yang lebih kukuh terhadap penganalisaan kaedah yang terbaik.

2.7 Kaedah yang dipilih

Terdapat beberapa algoritma yang boleh digunakan bagi menyelesaikan masalah dalam laluan terpendek. Algoritma yang terlibat adalah *Dijkstra*, *Bellman-Ford* dan *Floyd-Warshall*. Bagi setiap kaedah, penerangan terperinci dibuat iaitu dari segi algoritma, langkah-langkah penyelesaian, contoh pengiraan dan perbincangan berkenaan aplikasi dan kajian yang pernah dijalankan secara umum. Setiap model pengiraan algoritma menggunakan data andaian. Ini bagi menyelaraskan proses pengiraan dan perbandingan. Algoritma ini dibahagikan kepada tiga kumpulan iaitu :-

1. Mengira laluan terpendek untuk rangkaian satu punca dengan pemberat arka tidak negatif.
2. Mengira laluan terpendek satu punca.
3. Mengira laluan terpendek setiap pasangan.

Laluan terpendek dibahagi kepada dua iaitu :-

1. Satu titik ke titik yang lain
2. Satu titik kesemua titik.

Dijkstra dan *Bellman-Ford* adalah contoh algoritma laluan terpendek dari satu titik ke titik yang lain. Manakala *Floyd-Warshall* adalah contoh mencari laluan terpendek antara kesemua titik.

Algoritma Dijkstra

Algoritma *Dijkstra* merupakan algoritma yang memanipulasikan algoritma *Prim* dan *Breadth-First Search (BFS)*. Dikenali juga sebagai laluan terpendek pertama. *Dijkstra* membuat kiraan jarak terpendek bagi satu pasang nod. *Dijkstra* mengaplikasi kaedah *greedy* iaitu satu kaedah yang menggunakan penyelesaian yang mudah iaitu mencari laluan terpendek dari satu nod ke nod yang lain dengan memilih arka yang paling hampir dengan nod berkenaan. Bagi mengira jarak nod yang lain, pengiraan ulangan terpaksa dibuat. Ia merupakan algoritma yang paling ringkas dalam penyelesaian masalah laluan terpendek. Algoritma ini tidak dapat menyelesaikan pemberat bernilai negatif (tiada laluan) dan sekiranya wujud pemberat sedemikian, penyelesaian yang akan diberikan adalah infiniti.

Kesemua nod ditandai dengan jarak dari nod punca sebagai nilai sementara, kemudian nod yang mempunyai nilai jarak yang paling kecil dikembangkan dan nilai jarak berkenaan dikumpulkan secara tetap. Pengemaskinian nilai jarak dilakukan setelah mendapati nod yang baru ditemui dan proses ini berterusan sehinggalah tiada lagi nod yang tinggal pada graf berkenaan. Algoritma *Dijkstra* dapat ditulis sebagai berikut.

begin

$P := \{1\}; T := N \setminus \{1\};$

$d(1) := 0$ dan $pred(1) := 0;$

$d(j) := C_{1,j}$ dan $pred(j) := 1$ untuk semua $j \in A(1),$

dan $d(j) := \infty$ selainnya;

while $P \neq N$ **do**

begin

(Pemilihan nod yang juga dikenali sebagai **FINDMIN**)

katalah $i \in T$ menjadi suatu nod untuk $d(i) = \min\{d(j) : j \in T\};$

$P := P \cup \{i\}; T := N \setminus \{i\};$

(Pengemaskinian jarak)

for setiap $(i, j) \in A(i)$ **do**

if $d(j) > d(i) + C_{ij}$ **then**
 $d(j) := d(i) + C_{ij}$ dan $pred(j) := i$;
end
end

dengan :

- P : Kumpulan nod yang diumpukkan nilai pemberat yang tetap.
- T : Kumpulan nod yang diumpukkan nilai pemberat sementara.
- N : Jumlah nod dalam graf.
- C_{ij} : Nilai pemberat pada arka dari nod i ke nod i .
- i : Nod yang ke- i .
- j : Nod yang ke- j .
- $d(j)$: Jarak laluan terpendek ke nod j .


2.8.1 Langkah-langkah penyelesaian

Berikut merupakan langkah-langkah penyelesaian bagi algoritma *Dijkstra*:-

- Langkah 1: Cari nod K pada T dengan $L'(K)$ adalah minimum dan finite. Jika tidak K , berhenti (tiada laluan dari 1 ke nod lain). Jika K , umumkan K sebagai tetap dan masukkan K ke dalam P . Berhenti jika $P = N$. Labelkan aras (I, k) dimana T adalah nod yang telah dilabelkan, menunjukkan nilai min bagi $L'(K)$
- Langkah 2: Gantikan $L'(j)$ dengan nilai terkecil dan $L'(j)$ dan $L(K) + a(K, j)$ untuk setiap nilai j dalam T . Ulang Langkah 1.

2.8.2 Contoh Pengiraan

Berikut merupakan contoh pengiraan algoritma *Dijkstra* yang menggunakan model rangkaian pada Rajah 2.6 :-



Rajah 2.6 : Model rangkaian

1. Umpukkan nilai A kedalam Nod Singgah, Jadual 2.5.

Jadual 2.5 : Penyelesaian Langkah 1

Nod	Nod Singgah	Jarak	Sementara
A	A	0	0
B			
C			
D			
E			
F			
G			
H			
I			
J			

2. Nod B, I dan H merupakan nod yang hampir dengan nod A. Umpukkan nilai sementara bagi nod-nod itu, Jadual 2.6.

$$\text{Nod B Sementara} = 0 + 2 = 2$$

$$\text{Nod H Sementara} = 0 + 3 = 3$$

$$\text{Nod I Sementara} = 0 + 3 = 3$$

Jadual 2.6 : Penyelesaian Langkah 2

Nod	Nod Singgah	Jarak	Sementara
A	A	0	0
B			2
C			
D			
E			
F			
G			
H			3
I			3
J			

3. Pilih nilai sementara yang paling kecil dan umpukkan ke dalam Nod Singgah. Nod B mempunyai nilai sementara yang kecil, Jadual 2.7.
4. Pilih nod yang paling hampir dengan Nod Singgah yang baru iaitu B. Kira dan umpukkan Nilai Sementara Nod C dan I, Jadual 2.8.
- $$\text{Nod C} = 2 + 3 = 5$$
- $$\text{Nod I} = 2 + 1 = 3$$
5. Pilih nilai sementara yang paling kecil dan umpukkan ke dalam Nod Singgah. Nod I mempunyai nilai sementara yang kecil, Jadual 2.9.

Jadual 2.7 : Penyelesaian Langkah 3

Nod	Nod Singgah	Jarak	Nilai Sementara
A	1	0	0
B	2	2	2
C			
D			
E			
F			
G			
H			3
I			3
J			

Jadual 2.8 : Penyelesaian Langkah 4

Nod	Nod Singgah	Jarak	Nilai Sementara
A	1	0	0
B	2	2	2
C			5
D			
E			
F			
G			
H			3
I			3
J			

Jadual 2.9 : Penyelesaian Langkah 5

Nod	Nod Singgah	Jarak	Nilai Sementara
A	1	0	0
B	2	2	2
C			5
D			
E			
F			
G			
H			3
I	3	3	3
J			

6. Nod J merupakan nod yang paling hampir dengan Nod Singgah yang baru. Kira dan umpukkan Nilai Sementaranya, Jadual 2.10.

$$\text{Nod J} = 3 + 4 = 7$$

Jadual 2.10 : Penyelesaian Langkah 6

Nod	Nod Singgah	Jarak	Nilai Sementara
A	1	0	0
B	2	2	2
C			5
D			
E			
F			
G			
H			3
I	3	3	3
J			7

7. Pilih Nilai Sementara yang paling kecil bagi yang bukan Nod Singgah. Masukkannya ke dalam Nod Singgah. Nod H merupakan nilai yang terkecil ,
Jadual 2.11.

Jadual 2.11 : Penyelesaian Langkah 7

Nod	Nod Singgah	Jarak	Nilai Sementara
A	1	0	0
B	2	2	2
C			5
D			
E			
F			
G			
H	4	3	3
I	3	3	3
J			7

8. Nod G merupakan nod yang paling hampir dengan Nod Singgah yang baru (Nod H). Kira dan umpukkan Nilai Sementaranya, Jadual 2.12.

$$\text{Nod G} = 3 + 5 = 8$$
9. Pilih Nilai Sementara yang paling kecil bagi yang bukan Nod Singgah. Masukkannya ke dalam Nod Singgah. Nod C merupakan nilai yang terkecil ,
Jadual 2.13.
10. Nod D merupakan nod yang boleh dihubungkan dengan Nod Singgah yang baru (Nod C). Kira dan umpukkan Nilai Sementaranya, Jadual 2.14.

$$\text{Nod D} = 5 + 4 = 9$$

Jadual 2.12 : Penyelesaian Langkah 8

Nod	Nod Singgah	Jarak	Nilai Sementara
A	1	0	0
B	2	2	2
C			5
D			
E			
F			
G			8
H	4	3	3
I	3	3	3
J			7

Jadual 2.13 : Penyelesaian Langkah 9

Nod	Nod Singgah	Jarak	Nilai Sementara
A	1	0	0
B	2	2	2
C	5	5	5
D			
E			
F			
G			8
H	4	3	3
I	3	3	3
J			7

11. Pilih Nilai Sementara yang paling kecil bagi yang bukan Nod Singgah. Masukkannya ke dalam Nod Singgah. Nod J merupakan nilai yang terkecil, Jadual 2.15.

Jadual 2.14 : Penyelesaian langkah 10

Nod	Nod Singgah	Jarak	Nilai Sementara
A	1	0	0
B	2	2	2
C	5	5	5
D			9
E			
F			
G			8
H	4	3	3
I	3	3	3
J			7

Jadual 2.15 : Penyelesaian Langkah 11

Nod	Nod Singgah	Jarak	Nilai Sementara
A	1	0	0
B	2	2	2
C	5	5	5
D			9
E			
F			
G			8
H	4	3	3
I	3	3	3
J	6	7	7

12. Nod D merupakan nod yang boleh dihubungkan dengan Nod Singgah yang baru (Nod J). Kira dan umpukkan Nilai Sementaranya, Jadual 2.16.

$$\text{Nod D} = 7 + 1 = 8$$

Jadual 2.16 : Penyelesaian Langkah 12

Nod	Nod Singgah	Jarak	Nilai Sementara
A	1	0	0
B	2	2	2
C	5	5	5
D			8
E			
F			
G			8
H	4	3	3
I	3	3	3
J	6	7	7

13. Pilih Nilai Sementara yang paling kecil bagi yang bukan Nod Singgah. Masukkannya ke dalam Nod Singgah. Nod D dan J mempunyai nilai yang terkecil. Maka Nod D akan dipilih, Jadual 2.17.

Jadual 2.17 : Penyelesaian Langkah 13

Nod	Nod Singgah	Jarak	Nilai Sementara
A	1	0	0
B	2	2	2
C	5	5	5
D	7	8	8
E			
F			
G			8
H	4	3	3
I	3	3	3
J	6	7	7

14. Nod E merupakan nod yang boleh dihubungkan dengan Nod Singgah yang baru (Nod D). Kira dan umpukkan Nilai Sementaranya, Jadual 2.18.

$$\text{Nod E} = 8 + 1 = 9$$

Jadual 2.18 : Penyelesaian Langkah 14

Nod	Nod Singgah	Jarak	Nilai Sementara
A	1	0	0
B	2	2	2
C	5	5	5
D	7	8	8
E			9
F			
G			8
H	4	3	3
I	3	3	3
J	6	7	7

15. Pilih Nilai Sementara yang paling kecil bagi yang bukan Nod Singgah. Masukkannya ke dalam Nod Singgah. Nod G mempunyai nilai yang terkecil, Jadual 2.19.
16. Nod F merupakan nod yang boleh dihubungkan dengan Nod Singgah yang baru (Nod G). Kira dan umpukkan Nilai Sementaranya, Jadual 2.20.

$$\text{Nod F} = 8 + 1 = 9$$
17. Pilih Nilai Sementara yang paling kecil bagi yang bukan Nod Singgah. Masukkannya ke dalam Nod Singgah. Nod E dan F mempunyai nilai yang terkecil. Nod F diambil untuk menjadi pilihan, Jadual 2.21.

Jadual 2.19 : Penyelesaian Langkah 15

Nod	Nod Singgah	Jarak	Nilai Sementara
A	1	0	0
B	2	2	2
C	5	5	5
D	7	8	8
E			9
F			
G	8	8	8
H	4	3	3
I	3	3	3
J	6	7	7

Jadual 2.20 : Penyelesaian Langkah 16

Nod	Nod Singgah	Jarak	Nilai Sementara
A	1	0	0
B	2	2	2
C	5	5	5
D	7	8	8
E			9
F			9
G	8	8	8
H	4	3	3
I	3	3	3
J	6	7	7

18. Nod E merupakan nod yang boleh dihubungkan dengan Nod Singgah yang baru (Nod F). Kira dan umpukkan Nilai Sementaranya, Jadual 2.22.

$$\text{Nod E} = 9 + 1 = 10$$

Jadual 2.21 : Penyelesaian Langkah 17

Nod	Nod Singgah	Jarak	Nilai Sementara
A	1	0	0
B	2	2	2
C	5	5	5
D	7	8	8
E			9
F	9	9	9
G	8	8	8
H	4	3	3
I	3	3	3
J	6	7	7

Jadual 2.22 : Penyelesaian Langkah 18

Nod	Nod Singgah	Jarak	Nilai Sementara
A	1	0	0
B	2	2	2
C	5	5	5
D	7	8	8
E			10
F	9	9	9
G	8	8	8
H	4	3	3
I	3	3	3
J	6	7	7

19. Pilih Nilai Sementara yang paling kecil bagi yang bukan Nod Singgah.
 Masukkannya ke dalam Nod Singgah. Nod E dan F mempunyai nilai yang terkecil.
 Nod F diambil untuk menjadi pilihan, Jadual 2.23.

Jadual 2.23 : Penyelesaian Langkah 19

Nod	Nod Singgah	Jarak	Nilai Sementara
A	1	0	0
B	2	2	2
C	5	5	5
D	7	8	8
E	10	9	10
F	9	9	9
G	8	8	8
H	4	3	3
I	3	3	3
J	6	7	7

Pengiraan dibuat bagi mendapatkan jarak terpendek dari nod A ke nod H.

Jarak Nod E – Jarak Nod D = $9 - 8 = 1$ (Betul, Sama dengan nilai pemberat)

Jarak Nod E – Jarak Nod F = $9 - 9 = 0$ (Salah, nilai pemberat adalah 3)

Jadi nilai nod seterusnya adalah D, laluan semasa adalah E-D

Jarak Nod D - Jarak Nod J = $8 - 7 = 1$ (Betul, Sama dengan nilai pemberat)

Jarak Nod D - Jarak Nod C = $8 - 5 = 3$ (Salah, nilai pemberat adalah 4)

Jadi nilai nod seterusnya adalah J, laluan semasa adalah E-D-J

Jarak Nod J - Jarak Nod G = $7 - 8 = -1$ (Salah)

Jarak Nod J - Jarak Nod I = $7 - 3 = 4$ (Betul, Sama dengan nilai pemberat)

Jadi nilai nod seterusnya adalah I, laluan semasa adalah E-D-J-I

Jarak Nod I - Jarak Nod B = $3 - 2 = 1$ (Betul, Sama dengan nilai pemberat)

Jarak Nod I - Jarak Nod A = $3 - 0 = 3$ (Betul, Sama dengan nilai pemberat)

Jadi laluan semasa yang boleh diterima pakai ada dua iaitu E-D-J-I-B-A dan E-D-J-I-A.

Akan tetapi laluan E-D-J-I-A mempunyai bilangan nod yang kurang berbanding dengan laluan semasa E-D-J-I-B-A. Oleh itu, laluan E-D-J-I-A diambil pakai.

2.8.3 Kompleksiti Algoritma

Terdapat dua operasi dalam algoritma ini iaitu :

1. Mencari nilai pemberat arka minimum yang mempunyai darjah kekompleksan $O(n^2)$.
2. Pengemaskinian label yang mempunyai darjah kerumitan $O(m)$. Oleh sebab itu, darjah kerumitan algoritma ini adalah $O(n^2 + m) \approx O(n^2)$.

2.8.4 Perbincangan

Berikut merupakan beberapa kajian aplikasi penggunaan atau manipulasi algoritma *Dijkstra* yang telah dihasilkan.

Agensi Perkhidmatan berkualiti menggunakan algoritma *Dijkstra* yang telah diubahsuai untuk mencari laluan terpendek di antara rangkaian internet yang memenuhi kehendak agen (Farag Sallabi et al., (2005)). Kyu-Yeul et al.(2004) menggunakan algoritma *Dijkstra* dalam menyelesaikan masalah susun atur kemudahan di bahagian yang bertingkat seperti kapal dan bangunan. Penggunaan algoritma ini membantu dalam mengira jarak di antara kemudahan yang ada. Algoritma *Dijkstra* digunakan dalam memilih pemotong yang sesuai bagi masalah pengisaran (*milling*) pelbagai bahagian (Zhiyang Yao et al.,(2003)).

Dijkstra juga digunakan dalam menyelesaikan masalah laluan terpendek bagi rangkaian yang mempunyai kekangan masa dan kelajuan (Kiseok Sung et al.,(2000)). S. Namkoong et al.,(1998) menggunakan algoritma *Dijkstra* ini bagi membantu menyelesaikan masalah pencarian laluan yang optimum bagi rangkaian pengangkutan bandar. Laluan yang optimum ini merupakan modul yang penting dalam membangunkan sistem bantuan jalan raya dan sistem kawalan trafik.

2.9 Algoritma *Bellman-Ford*

Algoritma ini juga dikenali dengan algoritma pencarian ke belakang. Ianya dapat menyelesaikan masalah pemberat yang bernilai negatif tetapi hanya untuk masalah laluan terpendek berpunca tunggal. Di samping itu ia dapat mengenalpasti kitaran negatif pada akhir penyelesaian. Berikut merupakan algoritma *Bellman-Ford*.

initialize $d(1) := 0, d(i) := \infty, i = 2, \dots, n$

pulse $\forall (i, j) \in A, d(j) := \min\{d(j), d(i) + C_{ij}\}$

dengan:

A : Set kumpulan arka

C_{ij} : Nilai pemberat pada arka dari nod i ke nod j .

$d(j)$: Jarak laluan terpendek ke nod j .

i : Nod yang ke- i .

j : Nod yang ke- j .

2.9.1 Langkah penyelesaian

Berikut adalah langkah penyelesaian dalam menjana algoritma *Bellman-Ford*:-

Langkah 1: Setkan $y_r = 0, y_v = \infty, P_r = 0, P_v = -1$ dan $v \neq r$.

Langkah 2: setkan $i = 1$

Langkah 3: Jika $y = (y_v : v \in V)$ tidak memenuhi syarat $y_v + c_{vw} \geq y_w$ bagi $(v, w) \in E$, maka pergi ke langkah 4. Jika sebaliknya, pergi ke Langkah 5.

Langkah 4: Jika $y_v + c_{vw} < y_w$ maka kemaskini $y_w = y_v + c_{vw}$ dan $P_w = v$.

Langkah 5: Berhenti, laluan terpendek telah ditemui. Ulang pengiraan dari nod mula ke nod yang lain.

Langkah 6: Jika $i = n$ di mana $n = |V|$. Berhenti, wujud nilai pemberat negatif dalam kitaran.


Langkah 7: Setkan $i = i + 1$. Pergi ke langkah 4. Tamat apabila lelaran = n .

2.9.2 Contoh Pengiraan

Berikut merupakan contoh pengiraan bagi algoritma *Bellman-Ford* menggunakan model rangkaian pada Rajah 2.6 sebelum ini.

Langkah 1


Rajah 2.7 menunjukkan langkah pertama bagi menyelesaikan masalah bagi algoritma *Bellman-Ford*. Setkan $y_r = 0, y_v = \infty, p_r = 0, p_v = -1$ dengan syarat $v \neq r$. r adalah nod mula dan v mewakili nod-nod lain dalam laluan.



Rajah 2.7 : Model penyelesaian bagi Langkah 1

Langkah 2


Setkan $i = 1$. Cari nod yang mempunyai hubungan arka dengan nod A. Nod B, I dan H diuji dengan syarat $y_v + c_{vw} \geq y_w$. Nod B tidak memenuhi syarat dengan $0 + 2 \geq \infty$, maka kemaskini nod B dengan $y_B = 2$ dn $P_B = A$. Nod I juga tidak memenuhi syarat $0 + 3 \geq \infty$, maka kemaskini nod I dengan $y_I = 3$ dn $P_I = A$. Bagi nod H juga tidak memenuhi syarat $0 + 3 \geq \infty$, maka kemaskini nod H dengan $y_H = 3$ dn $P_H = A$. Rajah 2.8 menunjukkan penyelesaian bagi Langkah 2.



Rajah 2.8 : Model penyelesaian bagi Langkah 2

Langkah 3


Seterusnya laksanakan pengiraan dari nod B. nod B mempunyai hubungan arka dengan nod C dan nod I. Seperti di langkah 2, syarat mesti dipenuhi. Oleh itu, nod C tidak memenuhi syarat, maka kemaskini nod C dengan $y_C = 5$ dn $P_C = B$. Nod I memenuhi syarat dengan $2 + 1 \geq 3$, maka laluan terpendek telah ditemui. Rajah 2.9 menunjukkan penyelesaian bagi Langkah 3.



Rajah 2.9 : Model penyelesaian bagi Langkah 3

Langkah 4


Nod J mempunyai hubungan arka dengan nod I. Nod J memenuhi syarat dengan $3 + 4 \geq 7$. Laluan terpendek telah ditemui. Rajah 2.10 menunjukkan penyelesaian bagi Langkah 4.



Rajah 2.10 : Model penyelesaian bagi Langkah 4

Langkah 5


Oleh kerana hanya nod G yang mempunyai hubungan arka dengan nod H maka mulakan dengan nod H ke nod G. Nod G tidak memenuhi syarat dengan $3 + 5 \geq \infty$. Maka kemaskini $y_G = 8$ dan $P_G = H$. Rajah 2.11 menunjukkan penyelesaian bagi Langkah 5.



Rajah 2.11 : Model penyelesaian bagi Langkah 5

Langkah 6


Seterusnya nod G ke nod J dan nod F. bagi nod J, ia tidak memenuhi syarat dengan $8 + 1 \geq 7$. Maka kemaskini $y_J = 9$ dan $P_J = H$. Nod F juga tidak memenuhi syarat dengan $8 + 1 \geq \infty$. Maka kemaskini $y_F = 9$ dan $P_F = G$. Rajah 2.12 menunjukkan penyelesaian bagi Langkah 6.



Rajah 2.12 : Model penyelesaian bagi Langkah 6

Langkah 7


Mula kembali dengan nod C, di mana nod D akan diuji dengan syarat. Nod D tidak memenuhi syarat dengan $5 + 4 \geq \infty$. Maka kemaskini $y_D = 9$ dan $P_D = C$. Rajah 2.13 menunjukkan penyelesaian bagi Langkah 7.



Rajah 2.13 : Model penyelesaian bagi Langkah 7

Langkah 8


Nod D mempunyai hubungan dengan nod J. Apabila diuji dengan syarat mendapati, nod D memenuhi syarat dengan $7 + 1 \geq 8$. Oleh itu, laluan terpendek telah ditemui. Rajah 2.14 menunjukkan penyelesaian bagi Langkah 8.



Rajah 2.14 : Model penyelesaian bagi Langkah 8

Langkah 9


Nod E akan diuji dengan syarat memandangkan ia merupakan nod yang berhubung dengan nod F. Nod E tidak memenuhi syarat dengan $9 + 3 \geq \infty$. Maka kemaskini nod E dengan $y_E = 12$ dan $P_E = F$. Rajah 2.15 menunjukkan penyelesaian bagi langkah 9.



Rajah 2.15 : Model penyelesaian bagi Langkah 9

Langkah 10


Hubungan nod D ke nod E merupakan pengiraan yang terakhir untuk menguji syarat. Nod E tidak memenuhi syarat dengan $8 + 1 \geq 12$, Maka kemaskini $y_E = 9$ dan $P_E = D$. Rajah 2.16 menunjukkan penyelesaian bagi langkah 10.



Rajah 2.16 : Model penyelesaian bagi Langkah 10

Penyelesaian

Setelah sepuluh langkah pengiraan dilaksanakan, maka laluan terpendek bagi algoritma Bellman-Ford adalah seperti dalam model penyelesaian pada Rajah 2.17.



Rajah 2.17 : Model penyelesaian bagi pengiraan *Bellman-Ford*

2.9.3 Kompleksiti Algoritma

Darjah kekompleksan algoritma ini adalah $O(mn)$ kerana setiap arka mempunyai kekompleksan $O(m)$ bagi sejumlah n nod.

2.9.4 Perbincangan

Berikut merupakan perbincangan ringkas mengenai aplikasi penggunaan algoritma ini. A.L. Roginsky et al., (1999) menggunakan algoritma *Bellman-Ford* dalam pencarian kaedah baru bagi pemilihan laluan terpendek trafik multimedia dengan dua kekangan.

2.10 Algoritma *Floyd-Warshall*

Algoritma *Floyd Warshall* adalah direkabentuk untuk menyelesaikan laluan terpendek setiap pasang nod untuk graf yang mempunyai pemberat yang bernilai negatif. Ia merupakan algoritma yang memberikan matrik kos dan matrik laluan khas untuk mengurangkan pengiraan pada arka dan storan data yang besar. Penggunaan algoritma ini diaplikasikan dengan berkesan kepada sistem laluan terpendek yang berpusat. Sistem berpusat dapat mengawal laluan setiap kenderaan daripada terminal yang disediakan yang mempunyai pangkalan data (atribut dan ruang) yang besar dan mempunyai maklumat laluan terpendek untuk semua titik dalam jaringan.

Algoritma ini menghubungkan mana-mana nod pada graf dapat dipilih sebagai nod punca dan nod punca yang sedia ada dijadikan sebagai nod destinasi. Dalam kaedah ini dua matrik berbentuk $n \times n$ ditakrif iaitu matrik pemberat (d_{ij}) dan matrik laluan terpendek (sp_{ij}). Terdapat n lelaran yang mesti dilakukan ke atas kedua-dua matrik D dan matrik SP.

2.10.1 Algoritma

Berikut merupakan algoritma *Floyd Warshall* :-

```

begin
  for setiap pasangan nod  $[i, j] \in n \times n$  do
     $d[i, j] := \infty$  dan  $pred [i, j] := 0$ ;
  for semua nod  $i \in N$  do  $d[i, i] := 0$ ;
  for semua arka  $(i, j) \in N$  do  $d[i, j] := C_{ij}$  dan  $pred [i, j] := i$ ;
  for setiap  $k := 1$  to  $N$  do
    for setiap  $[i, j] \in N \times N$  do
      if  $d[i, j] > d[i, k] + d[k, j]$  then

```

begin

$d[i, j] := d[i, k] + d[k, j];$

$pred[i, j] := pred[k, j];$

end;

end;

dengan:

i : Nod pada baris i .

j : Nod pada baris j .

N : Bilangan keseluruhan nod.

k : Laluan melalui nod k .

$d[i, j]$: Matrik laluan i ke j .

2.10.2 Langkah penyelesaian

Langkah-langkah penyelesaian bagi *Floyd-Warshall* ditunjukkan seperti berikut :-

Langkah 1: Setkan $D_0 = D$ dan $C_0 = C$. Bermula pada D_{j-1} dan C_{j-1}

Langkah 2: Untuk setiap lelaran hukum segitiga dipertimbangkan.

Jika $a_{j-1}(u, v) \leq a_{j-1}(u, j) + d_{j-1}(j, v)$

maka $a_j(u, v) = d_{j-1}(u, v)$

dan $C(u, v) = C_{j-1}(u, v)$.

Jika tidak

$a_j(u, v) = a_{j-1}(u, j) + d_{j-1}(j, v)$ dan $C(u, v) = C_{j-1}(u, j)$.

Tamat apabila bilangan lelaran = n .

dengan:

C_{ij} : laluan terpendek dari nod i ke nod j .

D_{ij} : pemberat dari nod i ke nod j .

a_{j-1} : nilai semasa bagi lelaran

n : bilangan matrik $n \times n$

2.10.3 Contoh Pengiraan

Penyelesaian bagi algoritma ini menggunakan kaedah matrik iaitu matrik C_{ij} dan D_{ij} . Matrik C_{ij} mewakili pemberat bagi setiap nod, manakala D_{ij} mewakili laluan terpendek bagi model rangkaian dalam Rajah 2.6. Berikut merupakan contoh pengiraan bagi menyelesaikan masalah menggunakan algoritma *Floyd-Warshall* :-

Lelaran 1

Pengiraan *Floyd-Warshall* menggunakan kaedah matrik dengan mencari matrik C_{ij} dan D_{ij} . Matrik C_{ij} adalah untuk mencari jumlah jarak atau pemberat. Matrik D_{ij} pula untuk mendapatkan laluan terpendek. Pada setiap lelaran, hukum segitiga akan dipertimbangkan . Jadual 2.24 dan 2.25 menunjukkan cara pengiraan bagi lelaran pertama.

Jadual 2.24 : Jadual C_{ij} bagi Lelaran 1

	A	B	C	D	E	F	G	H	I	J
A	0	2	∞	∞	∞	∞	∞	3	3	∞
B	2	0	3	∞	∞	∞	∞	∞	1	∞
C	∞	3	0	4	∞	∞	∞	∞	∞	∞
D	∞	∞	4	0	1	∞	∞	∞	∞	1
E	∞	∞	∞	1	0	3	∞	∞	∞	∞
F	∞	∞	∞	∞	3	0	1	∞	∞	∞
G	∞	∞	∞	∞	∞	1	0	5	∞	1
H	3	∞	∞	∞	∞	∞	5	0	[9]	∞
I	3	1	∞	∞	∞	∞	∞	∞	0	4
J	∞	∞	∞	1	∞	∞	1	∞	4	0

Jadual 2.25 : Jadual D_{ij} bagi Lelaran 1

	A	B	C	D	E	F	G	H	I	J
A	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
B	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
C	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
D	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
E	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
F	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
G	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
H	1	2	3	4	5	6	7	8	1	10
I	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
J	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10

Lelaran 2

Seterusnya lelaran kedua dilaksanakan. Jadual 2.26 dan 2.27 menunjukkan cara mendapatkan C_{ij} dan D_{ij} dalam lelaran 2.

Jadual 2.26 : Jadual C_{ij} bagi Lelaran 2

	A	B	C	D	E	F	G	H	I	J
A	0	2	∞	∞	∞	∞	∞	3	3	∞
B	2	0	3	∞	∞	∞	∞	∞	1	∞
C	5	3	0	4	∞	∞	∞	∞	4	∞
D	∞	∞	4	0	1	∞	∞	∞	∞	1
E	∞	∞	∞	1	0	3	∞	∞	∞	∞
F	∞	∞	∞	∞	3	0	1	∞	∞	∞
G	∞	∞	∞	∞	∞	1	0	5	∞	1
H	3	∞	∞	∞	∞	∞	5	0	9	∞
I	3	1	4	∞	∞	∞	∞	∞	0	4
J	∞	∞	∞	1	∞	∞	1	∞	4	0

Jadual 2.27 : Jadual D_{ij} bagi Lelaran 2

	A	B	C	D	E	F	G	H	I	J
A	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
B	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
C	2	2	3	4	5	6	7	8	2	10
D	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
E	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
F	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
G	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
H	1	2	3	4	5	6	7	8	1	10
I	1	2	2	4	5	6	7	8	9	10
J	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10

Lelaran 3

Pengiraan diteruskan dengan lelaran ketiga. Jadual 2.28 dan 2.29 menunjukkan pengiraan bagi mendapatkan matrik C_{ij} dan D_{ij} .

Jadual 2.28 : Jadual C_{ij} bagi Lelaran 3

	A	B	C	D	E	F	G	H	I	J
A	0	2	∞	∞	∞	∞	∞	3	3	∞
B	2	0	3	[7]	∞	∞	∞	∞	1	∞
C	5	3	0	4	∞	∞	∞	∞	4	∞
D	[9]	[7]	4	0	1	∞	∞	∞	∞	1
E	∞	∞	∞	1	0	3	∞	∞	∞	∞
F	∞	∞	∞	∞	3	0	1	∞	∞	∞
G	∞	∞	∞	∞	∞	1	0	5	∞	1
H	3	∞	∞	∞	∞	∞	5	0	9	∞
I	3	1	4	[8]	∞	∞	∞	∞	0	4
J	∞	∞	∞	1	∞	∞	1	∞	4	0

Jadual 2.29 : Jadual D_{ij} bagi Lelaran 3

	A	B	C	D	E	F	G	H	I	J
A	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
B	1	2	3	3	5	6	7	8	9	10
C	2	2	3	4	5	6	7	8	2	10
D	3	3	3	4	5	6	7	8	9	10
E	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
F	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
G	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
H	1	2	3	4	5	6	7	8	1	10
I	1	2	2	3	5	6	7	8	9	10
J	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10

Lelaran 4

Lelaran 4 pula menyusul. Jadual 2.3 dan 2.31 menunjukkan matrik C_{ij} dan D_{ij} bagi lelaran 4.

Jadual 2.30 : Jadual C_{ij} bagi Lelaran 4

	A	B	C	D	E	F	G	H	I	J
A	0	2	∞	∞	∞	∞	∞	3	3	∞
B	2	0	3	7	[8]	∞	∞	∞	1	[8]
C	5	3	0	4	[5]	∞	∞	∞	4	[5]
D	9	7	4	0	1	∞	∞	∞	∞	1
E	[10]	[8]	[5]	1	0	3	∞	∞	∞	∞
F	∞	∞	∞	∞	3	0	1	∞	∞	∞
G	∞	∞	∞	∞	∞	1	0	5	∞	1
H	3	∞	∞	∞	∞	∞	5	0	9	∞
I	3	1	4	8	[9]	∞	∞	∞	0	4
J	[10]	[6]	[5]	1	[2]	∞	1	∞	4	0

Jadual 2.31 : Jadual D_{ij} bagi Lelaran 4

	A	B	C	D	E	F	G	H	I	J
A	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
B	1	2	3	3	4	6	7	8	9	4
C	2	2	3	4	4	6	7	8	2	4
D	3	3	3	4	5	6	7	8	9	10
E	4	4	4	4	5	6	7	8	9	10
F	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
G	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
H	1	2	3	4	5	6	7	8	1	10
I	1	2	2	3	4	6	7	8	9	10
J	4	4	4	4	4	6	7	8	9	10

Lelaran 5

Seterusnya lelaran kelima dilaksanakan. Jadual 2.32 dan 2.33 menunjukkan cara mendapatkan C_{ij} dan D_{ij} dalam lelaran 5.

Jadual 2.32 : Jadual SP_{ij} bagi Lelaran 5

